Vol. 8, Number 1, 2026, pp: 16-25

BORNEO INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION
Published by Penerbit Universiti Malaysia Sabah
E-ISSN 2710-7361
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/bije



How to cite this article:
Wan Mahmud, W. M., Mohamad Yusoff, Z. J., Embong, R., & Che Omar, M. (2026). Masalah membaca dalam kalangan murid Pemulihan Khas di sekolah rendah: Faktor pendorong, implikasi pembelajaran dan strategi intervensi. *Borneo International Journal of Education, 8*(1), 16–25. https://doi.org/10.51200/bije.v8i1.8475

MASALAH MEMBACA DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN KHAS DI SEKOLAH RENDAH: FAKTOR PENDORONG, IMPLIKASI PEMBELAJARAN DAN STRATEGI INTERVENSI

READING DIFFICULTIES AMONG REMEDIAL EDUCATION PUPILS IN PRIMARY SCHOOLS: CONTRIBUTING FACTORS, IMPLICATIONS FOR LEARNING, AND INTERVENTION STRATEGIES

Wan Marfazila Wan Mahmud[1*], Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff[2], Rahimah Embong[3], Mustafa Che Omar[4]
[1,2,3,4]Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

**Corresponding author:*
wmarfazilawmahmud@unisza.edu.my

Article Info

Received:
26/07/2026
Accepted:
27/09/2026
Published:
10/10/2026
Keywords:
Reading literacy, remedial education pupils, contributing factors, reading problems, literacy intervention

© 2026 The Author(s). Open access under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY 4.0).

Abstract

This study examines reading problems among Remedial Education pupils in primary schools, focusing on contributing factors, implications for learning, and intervention strategies from teachers' perspectives. The study employed a descriptive qualitative design and involved four Remedial Education teachers with between 9 and 15 years of experience in teaching remedial reading classes. Data were collected through semi-structured interview responses provided in written or email form, as well as transcripts of audio-recorded interviews. The data were subsequently analysed thematically through open, axial, and selective coding to develop categories, subthemes, and major themes. The findings revealed three main themes. First, contributing factors included family and socioeconomic factors, community and environmental factors, as well as internal pupil-related factors, including weaknesses in foundational skills, motivation, focus, and absenteeism. Second, informants associated reading problems with difficulties in remembering and recognising letters or words, hesitation when reading, low self-confidence, and limited engagement in learning. Third, teachers reported using strategies such as engaging teaching approaches, visual materials and graded reading modules, phonics, drills, token rewards, and parental and community involvement. The study indicates that literacy support should be tailored to pupils' levels and backgrounds and implemented through collaboration among teachers, families, schools, and communities. The findings are context-specific and do not establish the causal effectiveness of any intervention.

Kata kunci:
Literasi membaca, murid pemulihan khas, faktor pendorong, masalah membaca, intervensi literasi

Kajian ini meneliti masalah membaca dalam kalangan murid Pemulihan Khas di sekolah rendah dengan memberikan tumpuan kepada faktor pendorong, implikasi terhadap pembelajaran dan strategi intervensi berdasarkan perspektif guru. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif dan melibatkan empat orang guru Pemulihan Khas yang mempunyai pengalaman mengajar kelas pemulihan membaca antara 9 hingga 15 tahun. Data diperoleh melalui respons temu bual separa berstruktur dalam bentuk bertulis atau e-mel serta transkrip temu bual audio. Data kemudiannya dianalisis secara tematik melalui pengekodan terbuka, paksi dan selektif bagi membentuk kategori, subtema dan tema utama. Dapatan kajian menghasilkan tiga tema utama. Pertama, faktor pendorong meliputi faktor keluarga dan sosioekonomi, komuniti dan persekitaran, serta faktor dalaman murid, termasuk kelemahan penguasaan asas, motivasi, fokus dan ketidakhadiran. Kedua, masalah membaca dikaitkan oleh informan dengan kesukaran mengingat dan mengenal huruf atau perkataan, keraguan ketika membaca, keyakinan diri yang rendah dan penglibatan dalam pembelajaran yang terhad. Ketiga, guru melaporkan penggunaan strategi seperti pengajaran yang menyeronokkan, bahan visual dan modul bacaan bertahap, fonik, latih tubi, ganjaran token serta penglibatan ibu bapa dan komuniti. Kajian ini menunjukkan bahawa sokongan literasi perlu disesuaikan dengan tahap dan latar belakang murid serta dilaksanakan melalui kerjasama antara guru, keluarga, sekolah dan komuniti. Dapatan kajian ini bersifat kontekstual dan tidak membuktikan keberkesanan kausal sesuatu intervensi.

1.0 Pengenalan

Kesukaran membaca pada peringkat sekolah rendah merupakan isu multidimensi yang bukan sahaja berkaitan dengan penguasaan mekanis dalam mengenal huruf dan perkataan, tetapi turut dipengaruhi oleh aspek kognitif, bahasa, emosi dan persekitaran. Literatur terdahulu mengaitkan kelemahan pemprosesan fonologi dan ingatan kerja dengan penguasaan bacaan awal (Snow et al., 1998; Lyon et al., 2003), manakala Abdul Rasid Jamian (2011) menunjukkan bahawa faktor individu dan persekitaran turut mempengaruhi kesukaran membaca dan menulis. Dapatan ini menunjukkan bahawa masalah membaca perlu difahami melalui interaksi antara keupayaan murid dengan konteks pembelajaran mereka, bukan berdasarkan satu faktor secara terasing. Selain itu, Duke dan Cartwright (2021) turut menekankan bahawa pembacaan melibatkan pengenalan perkataan, pemahaman bahasa dan proses regulasi kendiri yang saling berkaitan. Oleh itu, kesukaran membaca tidak wajar diterangkan melalui kelemahan penyahkodan semata-mata.

Pada masa yang sama, kajian terdahulu menunjukkan bahawa sokongan literasi di rumah, status sosioekonomi, pendedahan bahasa dan motivasi membaca mempunyai hubungan yang penting dengan perkembangan literasi (Hart & Risley, 1995; Snow et al., 1998; Guthrie & Wigfield, 2000). Aspek emosi seperti kebimbangan, rendah diri dan masalah tingkah laku juga boleh dikaitkan dengan kesukaran pembelajaran dan membaca (Zulkifley, 2006; Morgan et al., 2008). Walaupun kajian-kajian tersebut menyediakan asas penting tentang faktor risiko dan implikasi kesukaran membaca, masih terdapat keperluan untuk memahami secara lebih kontekstual bagaimana guru Pemulihan Khas yang berpengalaman mentafsir faktor yang mendorong masalah membaca, implikasinya terhadap pembelajaran serta strategi yang digunakan untuk membantu murid. Meta-analisis dalam negara

berpendapatan rendah dan sederhana menunjukkan hubungan positif, walaupun secara keseluruhannya kecil, antara persekitaran pembelajaran di rumah dengan kemahiran bahasa dan literasi kanak-kanak (Nag et al., 2024). Di samping itu, intervensi yang menyepadukan sokongan motivasi dengan pengajaran membaca dikaitkan dengan peningkatan motivasi dan pencapaian bacaan, namun variasi kualiti kajian dan kemungkinan bias penerbitan perlu dipertimbangkan (McBreen & Savage, 2021).

Kajian ini mengisi jurang tersebut dengan memberikan penekanan kepada pengalaman langsung guru yang membimbing murid yang belum menguasai kemahiran asas 3M. Sehubungan itu, kajian ini menjawab tiga persoalan: (i) Apakah faktor yang mendorong masalah membaca dalam kalangan murid Pemulihan Khas? (ii) Bagaimanakah masalah membaca memberikan implikasi terhadap pembelajaran murid? dan (iii) Apakah strategi intervensi yang digunakan atau dicadangkan oleh guru bagi membantu murid yang menghadapi masalah membaca? Dari segi sumbangan, dapatan kajian menyediakan bukti kontekstual untuk membantu guru, pentadbir, ibu bapa dan pihak berkaitan merancang sokongan literasi yang lebih responsif terhadap keperluan murid.

2.0 Metod kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif bagi memperoleh pemahaman yang mendalam tentang masalah membaca berdasarkan pengalaman dan pemerhatian guru Pemulihan Khas (Creswell & Poth, 2018; Merriam & Tisdell, 2016). Empat orang guru Pemulihan Khas terlibat sebagai informan. Mereka mempunyai pengalaman mengajar kelas pemulihan membaca antara 9 hingga 15 tahun serta pengalaman langsung dalam membimbing murid yang belum menguasai kemahiran asas 3M. Pemilihan informan dibuat berdasarkan kesesuaian pengalaman mereka dengan fokus kajian. Bagi menjaga kerahsiaan dalam pelaporan, informan dilabel sebagai G1, G2, G3 dan G4. Protokol temu bual separa berstruktur memfokuskan pada pengalaman guru, masalah utama murid, faktor pendorong masalah membaca, strategi atau intervensi, implikasi terhadap pembelajaran serta cadangan penambahbaikan.

Data kajian terdiri daripada respons temu bual separa berstruktur yang diterima dalam bentuk bertulis atau e-mel serta transkrip temu bual audio. Semua respons dibaca secara berulang bagi memperoleh pemahaman yang menyeluruh terhadap pengalaman informan. Data dianalisis secara tematik. Pada peringkat pengekodan terbuka, unit makna dan idea yang berulang dikenal pasti daripada respons informan. Kod yang mempunyai persamaan kemudiannya dihimpunkan melalui pengekodan paksi untuk membentuk kategori dan subtema. Pada peringkat pengekodan selektif, kategori yang saling berkaitan disusun kepada tema utama yang menjawab persoalan kajian. Proses ini menghasilkan tiga tema utama, iaitu faktor pendorong masalah membaca, implikasi terhadap pembelajaran dan strategi intervensi atau sokongan literasi. Petikan verbatim beranonim digunakan dalam pelaporan dapatan bagi menunjukkan hubungan antara data primer, subtema dan interpretasi penyelidik.
Bagi meningkatkan ketelusan analisis, dapatan disusun mengikut tema dan subtema serta disokong dengan petikan verbatim yang relevan. Pelaporan membezakan antara pengalaman atau persepsi informan dengan kesimpulan penyelidik. Oleh sebab kajian

ini tidak menggunakan reka bentuk eksperimen atau ukuran pra dan pascaintervensi, kenyataan informan tentang impak sesuatu strategi ditafsirkan sebagai pengalaman dan persepsi guru, bukannya bukti keberkesanan secara kausal. Literatur metodologi semasa turut menekankan bahawa analisis tematik merangkumi pendekatan yang berbeza dan pemilihannya perlu selaras dengan asas konseptual serta prosedur analisis yang dilaporkan (Braun & Clarke, 2021). Sehubungan itu, penggunaan istilah pengekodan terbuka, paksi dan selektif dalam pelaporan ini tidak dengan sendirinya menunjukkan bahawa kajian menggunakan analisis tematik refleksif atau metodologi teori beralas.

3.0 Dapatan Kajian

Dapatan kajian disusun berdasarkan tiga persoalan kajian. Analisis tematik terhadap data daripada empat orang guru Pemulihan Khas menghasilkan tiga tema utama, iaitu (i) faktor pendorong masalah membaca, (ii) implikasi masalah membaca terhadap pembelajaran, dan (iii) strategi intervensi dan sokongan literasi. Setiap tema dihuraikan melalui subtema dan disokong dengan petikan verbatim beranonim bagi memperjelas hubungan antara data dengan interpretasi penyelidik.

3.1 Tema 1: Faktor Pendorong Masalah Membaca dalam Kalangan Murid Pemulihan Khas

Analisis menghasilkan tiga subtema bagi faktor pendorong masalah membaca. Subtema pertama ialah faktor keluarga dan sosioekonomi. G1 dan G2 menyatakan ketidakhadiran, kekurangan bimbingan ibu bapa dan latar belakang keluarga sebagai faktor yang mengganggu pembelajaran. G3 turut menggambarkan murid yang "*kurang perhatian dan kasih sayang daripada kedua ibu bapa*" serta ada yang "*tinggal bersama datuk dan nenek*". G4 menghuraikan bahawa sesetengah murid "*tinggal dengan ibu, atau tinggal dengan ayah, atau ditinggalkan di kampung, tinggal dengan nenek*", dan dalam keadaan ekonomi tertentu terdapat murid yang "*tak masuk sekolah sebab nak jaga adik*".

Subtema kedua ialah faktor komuniti dan persekitaran. G4 menjelaskan bahawa dalam sesetengah komuniti terdapat keadaan apabila pembelajaran kurang diberikan penekanan, sekali gus mempengaruhi keinginan murid untuk belajar. Subtema ketiga ialah faktor dalaman dan penguasaan asas murid. G2 menyatakan bahawa murid "*cepat lupa apa yang dibaca*" dan "t*eragak-agak untuk menyebut beberapa huruf dan perkataan*", manakala G3 melaporkan bahawa murid "*tidak mengingati apa yang telah dieja, dibaca dan disebut*" serta kadangkala menambah perkataan yang tidak terdapat dalam teks. G1 pula menyenaraikan sikap, kelemahan pembelajaran, kecaknaan ibu bapa dan ketidakhadiran sebagai isu yang diperhatikan. Secara keseluruhan, data menunjukkan bahawa masalah membaca dilihat oleh guru sebagai hasil interaksi antara faktor murid dengan sokongan keluarga, kehadiran dan persekitaran sosial.

3.2 Tema 2: Implikasi Masalah Membaca terhadap Pembelajaran Murid

Tema kedua menunjukkan bahawa masalah membaca dikaitkan dengan implikasi terhadap proses pembelajaran, emosi dan penglibatan murid. Dari aspek

pembelajaran, G2 melaporkan bahawa murid cepat lupa dan teragak-agak ketika menyebut huruf atau perkataan, manakala G3 menyatakan bahawa murid tidak mengingati perkara yang telah dieja, dibaca dan disebut. Keadaan ini menyebabkan murid memerlukan pengulangan, latih tubi dan bimbingan yang lebih kerap.

Dari aspek emosi dan penglibatan, G3 mengenal pasti keadaan "t*idak ada keyakinan diri"* serta "*hilang atau kurang fokus ketika mengikuti aktiviti PdPc*". G4 pula menekankan bahawa keinginan untuk belajar dan membaca boleh dipengaruhi oleh faktor di luar kelas, termasuk keadaan keluarga dan ekonomi. Data juga menunjukkan bahawa respons murid terhadap intervensi adalah berbeza. G4 menyatakan bahawa "*hasil impaknya bergantung kepada murid*", sekali gus menunjukkan bahawa latar belakang dan keperluan individu perlu dipertimbangkan. Oleh itu, dapatan ini menggambarkan pengalaman dan pemerhatian guru dan tidak ditafsirkan sebagai hubungan sebab-akibat.

3.3 Tema 3: Strategi Intervensi dan Sokongan Literasi

Tema ketiga memperlihatkan kepelbagaian strategi yang digunakan atau dicadangkan oleh guru mengikut tahap dan keperluan murid. G2 melaporkan penggunaan kelas membaca, modul bahan bacaan, permainan, lembaran kerja mengikut kemahiran semasa dan aktiviti didik hibur seperti nyanyian serta tayangan video. G3 menekankan kelas yang kondusif, bahan pengajaran yang menarik, pujian, kata-kata semangat, ganjaran, latihan membaca berterusan, kad bergambar dan cerita pendek.

G4 pula menjelaskan amalan "*fun learn... pembelajaran yang menyeronokkan*" dan pengajaran "*mengikut tahap perkembangan murid*". Beliau turut menerangkan penggunaan sistem token berdasarkan "*kehadiran*", "*murid siap kerja*" dan "*tingkah laku, sahsiah murid*". Bahan fonik seperti Bacalah Anakku dan latihan pengulangan turut dilaporkan sebagai sebahagian daripada amalan kelas. Walaupun informan melaporkan impak positif, G4 sendiri menegaskan bahawa "*tidaklah kita boleh cakap 100% memberi impak yang baik*". Oleh itu, strategi tersebut dilaporkan sebagai amalan yang dianggap membantu berdasarkan pengalaman guru, bukannya bukti keberkesanan kausal daripada reka bentuk kajian ini.

Sokongan keluarga, komuniti dan sistem sekolah turut muncul sebagai komponen penting. G2 mencadangkan agar murid membaca bersama keluarga, manakala G3 mencadangkan temu murni bersama ibu bapa atau penjaga, program bimbingan khusus dan program anak angkat. G4 menegaskan bahawa "penglibatan ibu bapa dan komuniti sangat penting untuk membantu guru-guru" serta mencadangkan pemantauan pembelajaran di rumah dan sokongan komuniti setempat. Dari sudut kurikulum, G3 mencadangkan sukatan yang ringkas dan padat serta penambahan Kit.

4.0 Perbincangan

Perbincangan ini menafsirkan dapatan daripada empat orang guru Pemulihan Khas yang mempunyai pengalaman mengajar kelas pemulihan membaca antara 9 hingga 15 tahun. Tiga tema utama yang dikenal pasti ialah faktor pendorong, implikasi terhadap pembelajaran dan strategi intervensi atau sokongan literasi. Dapatan perlu

ditafsirkan sebagai gambaran kontekstual berdasarkan pengalaman informan dan tidak bertujuan untuk mewakili semua murid Pemulihan Khas atau semua sekolah rendah.

Bagi faktor pendorong, data menunjukkan bahawa guru tidak melihat kesukaran membaca sebagai masalah penguasaan kemahiran asas semata-mata. Kelemahan mengenal dan mengingat huruf atau perkataan muncul bersama faktor lain seperti ketidakhadiran, kekurangan bimbingan di rumah, masalah keluarga, motivasi yang rendah dan pengaruh persekitaran. Pola ini selari dengan literatur yang menekankan hubungan antara perkembangan literasi, pendedahan bahasa dan sokongan persekitaran (Snow et al., 1998; Abdul Rasid Jamian, 2011). Dalam kajian ini, sumbangan kontekstual yang penting ialah penjelasan guru tentang bagaimana faktor-faktor tersebut saling berinteraksi dalam pengalaman murid Pemulihan Khas. Misalnya, ketidakhadiran bukan sahaja dilihat sebagai isu disiplin, tetapi dalam sesetengah kes turut dikaitkan dengan tanggungjawab keluarga dan kekangan ekonomi. Dapatan ini boleh dibaca bersama Nag et al. (2024), yang menegaskan kepentingan konteks dan cara persekitaran pembelajaran di rumah diukur ketika menafsir hubungannya dengan literasi. Namun, bukti tersebut tidak membolehkan kesimpulan bahawa struktur keluarga tertentu secara langsung menyebabkan masalah membaca. Kerangka Duke dan Cartwright (2021) pula membantu menjelaskan mengapa sokongan pengajaran perlu mengambil kira interaksi kemahiran bahasa, pengenalan perkataan dan regulasi kendiri murid.

Dari segi implikasi terhadap pembelajaran, data primer paling jelas menunjukkan masalah mengingat bacaan, keraguan ketika menyebut huruf atau perkataan, kurang fokus dan keyakinan diri yang rendah. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan Morgan et al. (2008), yang menunjukkan hubungan antara masalah membaca dengan aspek tingkah laku dan konsep kendiri. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak mengukur pencapaian akademik atau keadaan psikologi murid secara langsung. Oleh itu, perbincangan dihadkan kepada pemerhatian dan pengalaman guru dan tidak membuat kesimpulan bahawa masalah membaca secara langsung menyebabkan sesuatu hasil emosi atau akademik. Kajian Donolato et al. (2024) terhadap kanak-kanak dengan diagnosis disleksia turut mengenal pasti kepentingan konsep kendiri sebagai pembaca dan kebimbangan sosial. Walau bagaimanapun, populasi tersebut berbeza daripada peserta kajian ini; murid Pemulihan Khas tidak boleh dianggap mempunyai disleksia tanpa penilaian yang sesuai. Perbandingan ini menyokong perhatian terhadap kesejahteraan emosi semasa bimbingan membaca, tanpa menyamakan kategori murid atau membuat inferens diagnostik.

Bagi strategi intervensi, data menunjukkan bahawa prinsip penyesuaian pengajaran mengikut tahap murid merupakan benang merah yang merentas respons informan. Bahan visual, aktiviti didik hibur, modul bertahap, fonik, pengulangan, latih tubi, pujian dan ganjaran digunakan untuk menyokong penglibatan serta pembelajaran murid. Cadangan penggunaan fonik dan latihan berstruktur mempunyai sokongan dalam literatur terdahulu (National Reading Panel, 2000; Ehri et al., 2001), manakala penekanan terhadap motivasi dan penglibatan selari dengan Guthrie dan Wigfield (2000). Namun demikian, kajian ini tidak membandingkan skor sebelum dan selepas intervensi. Justeru, dapatan hanya menunjukkan bahawa strategi tersebut digunakan dan dilihat membantu oleh informan, bukan membuktikan tahap

keberkesanannya. Bukti yang lebih terkini daripada meta-analisis Hall et al. (2022) menunjukkan bahawa intervensi bacaan bagi murid sekolah rendah yang mengalami atau berisiko mengalami kesukaran membaca perkataan menghasilkan peningkatan bacaan secara purata, dengan hasil yang berbeza mengikut dos pengajaran dan domain bacaan. Denton et al. (2022) turut menemukan kesan positif intervensi kemahiran asas dan pelbagai komponen terhadap pemahaman bacaan murid peringkat awal, dengan kesan susulan yang lebih kecil berbanding kesan sejurus selepas intervensi. Sementara itu, McBreen dan Savage (2021) menyediakan sokongan terhadap penggabungan komponen motivasi dalam pengajaran. Bukti ini menyokong pertimbangan pengajaran yang berstruktur dan responsif, tetapi tidak mengesahkan secara khusus keberkesanan bahan, permainan atau ganjaran token yang dilaporkan oleh informan kajian ini.

Secara keseluruhan, sintesis dapatan menunjukkan tiga perkara utama. Pertama, masalah membaca dalam konteks Pemulihan Khas bersifat multidimensi dan dikaitkan dengan faktor murid, keluarga, kehadiran, komuniti dan persekitaran pembelajaran. Kedua, implikasi yang paling konsisten dalam data ialah kesukaran mengingat dan mengenal bacaan, keraguan ketika membaca, kurang fokus serta keyakinan diri yang rendah. Ketiga, respons guru bersifat pelbagai aras, daripada penyesuaian pedagogi dan bahan pengajaran hingga penglibatan keluarga, komuniti dan sokongan sekolah. Sumbangan kajian ini terletak pada penyusunan pengalaman guru kepada suatu gambaran kontekstual yang menghubungkan faktor pendorong, implikasi dan bentuk sokongan. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya melibatkan empat orang informan dan bergantung pada perspektif guru. Oleh itu, kebolehpindahan dapatan adalah terhad. Kajian lanjutan boleh melibatkan lebih banyak sekolah serta perspektif murid dan ibu bapa, di samping menggunakan reka bentuk yang dapat menilai hasil intervensi secara langsung. Semakan tertier terkini oleh Wyse et al. (2025) turut menekankan kepelbagaian keperluan murid yang menghadapi kesukaran membaca serta kepentingan pengajaran pelbagai komponen, termasuk motivasi dan pemahaman. Hal ini memperkukuh cadangan supaya strategi sokongan dipilih berdasarkan penilaian keperluan individu dan diteliti melalui ukuran hasil bacaan yang sesuai, bukannya menganggap satu pendekatan berkesan secara seragam untuk semua murid.

5.0 Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa berdasarkan pengalaman empat orang guru Pemulihan Khas, masalah membaca dalam kalangan murid yang dibimbing berkait dengan gabungan faktor penguasaan asas, motivasi dan fokus murid, ketidakhadiran, keluarga, sosioekonomi serta persekitaran komuniti. Informan turut mengaitkan kesukaran membaca dengan masalah mengingat bacaan, keraguan ketika menyebut huruf atau perkataan, kurang fokus dan keyakinan diri yang rendah. Bagi membantu murid, guru menggunakan atau mencadangkan pelbagai strategi seperti pengajaran yang menyeronokkan, modul bertahap, fonik, bahan visual, latihan berulang, ganjaran serta penglibatan keluarga dan komuniti.

Dapatan kajian menegaskan kepentingan sokongan literasi yang responsif terhadap tahap dan latar belakang murid. Memandangkan kajian ini bersifat kualitatif, hanya melibatkan empat orang informan dan tidak mengukur hasil

intervensi secara eksperimen, dapatan tidak seharusnya digeneralisasikan secara statistik atau ditafsirkan sebagai bukti keberkesanan kausal. Penyelidikan seterusnya disarankan untuk melibatkan sumber data yang lebih pelbagai serta penilaian intervensi yang lebih sistematik.

6.0 Acknowledgement:

This article is part of a research project funded by Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) through the University Research Fund (UniSZA/2023/DPU-FKI2.0/09).

7.0 Conflict of Interest Statement:

The authors declare that there is no conflict of interest regarding the publication of this article.

8.0 Research and Publication Ethics Statement:

The authors confirm that this study was conducted in accordance with relevant research ethics guidelines. Informed consent was obtained from all participants, and their confidentiality and anonymity were protected throughout the research process. The authors further declare that the manuscript is original and complies with accepted standards of publication ethics.

9.0 Author Contributions:

All authors contributed to the conception and design of the study, data collection, data analysis and interpretation, and preparation of the manuscript. All authors reviewed and approved the final version of the manuscript and take responsibility for its content.

10.0 Data Availability Statement:

The data are not publicly available due to privacy, confidentiality, or ethical restrictions.

11.0 AI Disclosure Statement:

The authors used ChatGPT for language editing. All AI-assisted content was reviewed and verified by the author(s), who take full responsibility for the final content of the manuscript.

12.0 Funding Information:

This research was funded by Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Grant No. UniSZA/2023/DPU-FKI2.0/09.

13.0 Rujukan

Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 1*(1), 1–12.

Braun, V., & Clarke, V. (2021). Can I use TA? Should I use TA? Should I not use TA? Comparing reflexive thematic analysis and other pattern-based qualitative analytic approaches. *Counselling and Psychotherapy Research, 21*(1), 37–47. https://doi.org/10.1002/capr.12360

Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches (4th ed.)*. Sage.

Denton, C. A., Hall, C., Cho, E., Cannon, G., Scammacca, N., & Wanzek, J. (2022). A meta-analysis of the effects of foundational skills and multicomponent reading interventions on reading comprehension for primary-grade students. *Learning and Individual Differences, 93*, Article 102062. https://doi.org/10.1016/j.lindif.2021.102062

Donolato, E., Toffalini, E., Cornoldi, C., & Mammarella, I. C. (2024). In emotion and reading motivation, children with a diagnosis of dyslexia are not just the end of a continuum. *Dyslexia, 30*(3), Article e1778. https://doi.org/10.1002/dys.1778

Duke, N. K., & Cartwright, K. B. (2021). The science of reading progresses: Communicating advances beyond the simple view of reading. *Reading Research Quarterly, 56*(S1), S25–S44. https://doi.org/10.1002/rrq.411

Ehri, L. C., Nunes, S. R., Stahl, S. A., & Willows, D. M. (2001). Systematic phonics instruction helps students learn to read: Evidence from the National Reading Panel's meta-analysis. *Review of Educational Research, 71*(3), 393–447. https://doi.org/10.3102/00346543071003393

Guthrie, J. T., & Wigfield, A. (2000). Engagement and motivation in reading. In M. L. Kamil, P. B. Mosenthal, P. D. Pearson, & R. Barr (Eds.), *Handbook of reading research* (Vol. 3, pp. 403–422). Lawrence Erlbaum.

Hall, C., Dahl-Leonard, K., Cho, E., Solari, E. J., Capin, P., Conner, C. L., Henry, A. R., Cook, L., Hayes, L., Vargas, I., Richmond, C. L., & Kehoe, K. F. (2022). Forty years of reading intervention research for elementary students with or at risk for dyslexia: A systematic review and meta-analysis. *Reading Research Quarterly, 58*(2), 285–312. https://doi.org/10.1002/rrq.477

Hart, B., & Risley, T. R. (1995). *Meaningful differences in the everyday experience of young American children*. Paul H. Brookes.

Lyon, G. R., Shaywitz, S. E., & Shaywitz, B. A. (2003). A definition of dyslexia. *Annals of Dyslexia, 53*(1), 1–14. https://doi.org/10.1007/s11881-003-0001-9

McBreen, M., & Savage, R. (2021). The impact of motivational reading instruction on the reading achievement and motivation of students: A systematic review and meta-analysis. *Educational Psychology Review, 33*(3), 1125–1163. https://doi.org/10.1007/s10648-020-09584-4

Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation (4th ed.)*. Jossey-Bass.

Morgan, P. L., Farkas, G., Tufis, P. A., & Sperling, R. A. (2008). Are reading and behavior problems risk factors for each other? *Journal of Learning Disabilities, 41*(5), 417–436. https://doi.org/10.1177/0022219408321123

Nag, S., Vagh, S. B., Dulay, K. M., Snowling, M., Donolato, E., & Melby-Lervåg, M. (2024). Home learning environments and children's language and literacy skills: A meta-analytic review of studies conducted in low- and middle-income countries. *Psychological Bulletin, 150*(2), 132–153.

https://doi.org/10.1037/bul0000417

National Reading Panel. (2000). *Teaching children to read: An evidence-based assessment of the scientific research literature on reading and its implications for reading instruction*. National Institute of Child Health and Human Development.

Snow, C. E., Burns, M. S., & Griffin, P. (Eds.). (1998). *Preventing reading difficulties in young children*. National Academy Press.

Wyse, D., Esposito, R., Sumner, E., & Ranken, E. (2025). Mapping the field of effective teaching and interventions for children with reading difficulties: A systematic tertiary review, qualitative meta-synthesis, and national survey. *Reading Research Quarterly, 61*(1), Article e70075. https://doi.org/10.1002/rrq.70075

Zulkifley Hamid. (2006). *Psikolinguistik dan pemerolehan bahasa*. PTS Professional.